

Dr. M bimbang pendekatan peperangan selesai krisis

Oleh MAZNAH MOHD. ARSAD

KUALA LUMPUR 28 Jan. — Tun Dr. Mahathir Mohamad malam ini melahirkan rasa bimbang dengan pendekatan peperangan di kalangan pemimpin tertentu dunia masa kini bagi menyelesaikan krisis yang berlaku.

Tegas bekas Perdana Menteri, dunia masa kini benar-benar memerlukan pemimpin yang ikhlas dalam membantu negara-negara yang dilanda krisis dan bencana seperti tsunami.

"Walaupun para pemimpin terabit ada membantu dan memberi sumbangan, namun jumlah sumbangan yang diberikan tidak sebesar jumlah yang dibelanjakan bagi memiliki senjata untuk membunuh manusia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada 'Majlis Mengenang Jasa dan Bakti Tun Dr. Mahathir Mohamad' sempena Ulangtahun Ke-100 Kelab Rotary di sini, malam ini.

Hadir sama Presiden Rotary Antarabangsa, Bhichai Rayyakul.

Menurut Dr. Mahathir, pemimpin-pemimpin negara maju kini berlumba-lumba mencipta senjata

termasuk pelbagai jenis yang canggih untuk membunuh lebih banyak manusia.

Katanya, peperangan masa kini mengorbankan ribuan nyawa orang awam yang tidak berdosa berbanding dengan peperangan masa dahulu yang hanya membabitkan antara tentera sahaja.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir turut menggesa pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat dalam kerja-kerja amal, turut mendidik masyarakat akan sedia berkorban untuk terlibat sama dengan kerja-kerja murni itu.

Menurutnya, pembabitan lebih banyak anggota masyarakat dalam kerja-kerja amal dapat membantu mengatasi masalah sosial masa kini.

"Dalam konteks ini saya bangga kerana terdapat segelintir golongan muda di negara ini yang begitu aktif dalam melaksanakan kerja-kerja amal antaranya Aman Malaysia.

"Walaupun kewujudan mereka agak baru, tetapi kesungguhan yang ditunjukkan begitu menakjubkan dan kami yakin mereka berjaya dalam perjuangan murni itu," katanya.

Um- 29/1/2005: 27